

32



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada masalah yang dibangkitkan oleh pengadu melalui segmen Surat, Berita Harian pada 13 Julai 2009 iaitu "Kerusi Rosak Jejas Imej Putrajaya".

PPj telah pun mengenal pasti beberapa kerosakan kepada harta benda awam di kawasan sekitar Pangsapuri Putra Harmoni dan tindakan akan diambil untuk membaiki atau menggantikan kemudahan tersebut. Adalah dimaklumkan kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan dengan kadar segera agar kemudahan tersebut dapat digunakan oleh komuniti dalam masa terdekat.


PPj menghargai keprihatinan pengadu berhubung perkara ini. Pengadu dan orang ramai juga dialu-alukan membuat aduan atau cadangan penambahbaikan terus kepada talian aduan PPj iaitu 03-88873000.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Zaharah Selamat'.

(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 13 Julai 2009

Akhbar : Berita harian
Segmen : Surat
M/s : 28
Tarikh : 13 Julai 2009



Kerusi rosak jejas imej Putrajaya

Putrajaya dibangunkan sebuah bandar pentadbiran serba lengkap dan teratur. Pembangunan dan persekitarannya kawasannya serta pusat rekreasi yang begitu indah. Namun, kerusi di taman permainan kanak-kanak di Presint 9, ini sudah rosak hampir setahun dan tidak diperbaiki atau diganti baru. Diharap pihak berkuasa jangan terlepas pandang keadaan ini kerana ia pasti menjejaskan imej Putrajaya di mata masyarakat.

TUPAYAN TEGAH | BERITA HARAPAN